



## UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

### Peperiksaan Semester Pertama Sidang Akademik 2000/01

September/Okttober 2000

#### EAV 511/4 – Kejuruteraan Bekalan Air

Masa : [ 3 jam ]

---

#### Arahan Kepada Calon:-

1. Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH (7)** muka surat bercetak termasuk lampiran sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Kertas ini mengandungi **TUJUH (7)** soalan. Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja. Markah hanya akan dikira bagi **LIMA (5)** jawapan **PERTAMA** yang dimasukkan di dalam buku mengikut susunan dan bukannya **LIMA (5)** jawapan terbaik.
3. Semua soalan mempunyai markah yang sama.
4. Semua jawapan **MESTILAH** dimulakan pada muka surat yang baru.
5. Semua soalan **MESTILAH** dijawab dalam Bahasa Malaysia.
6. Tuliskan nombor soalan yang dijawab di luar kulit buku jawapan anda.

1. (a) Bincangkan ciri-ciri **fizikal** kualiti air minuman dan kaedah-kaedah yang digunakan untuk merawatnya jika hadir sebagai kekotoran di dalam sumber air tersebut. (10 markah)
  - (b) Jelaskan dengan ringkas mengenai dua jenis proses pengudaraan air ke dalam udara. Lakarkan rajah-rajab yang sesuai. (4 markah)
  - (c) Dengan bantuan gambarajah huraikan dengan ringkas mengenai turas kasar aliran mendatar. (6 markah)
2. (a) Jelaskan mengenai takrif “Nombor Camp” dan huraikan mengenai signifikan “Nombor Camp” dalam proses olahan air. (3 markah)
  - (b) Dalam merekabentuk loji olahan air konvensional, cadangan dibuat supaya tiga turbin aci tegak dengan susunan siri digunakan untuk proses pembukuan. Setiap turbin ditempatkan di dalam kebok masing-masing. Kecerunan halaju dan isipadu di setiap kebok pembukuan seperti yang tertera di dalam Jadual 1.

**Jadual 1**

Kebok pembukuan	1	2	3
Kecerunan halaju, ( $s^{-1}$ )	40	30	20
Isipadu, ( $m^3$ )	200	250	400

Jika kadar alir melalui loji ialah 250 l/s (liter per saat), hitung nombor Camp keseluruhan untuk proses pembukuan.

Jelaskan mengapa susun atur yang dicadangkan di atas lebih baik daripada membina kebok-kebok dalam keadaan selari.

(9 markah)

- (c) Katakan anda diberi tugas untuk menyelia beberapa buah loji olahan air yang merawat air permukaan. Kesemua loji mempunyai tangki enapan aliran mendatar. Anda difahamkan bahawa sejumlah wang yang besar dibelanjakan untuk membeli alum (tawas) dan dengan demikian tugas awal anda adalah untuk mengurangkan penggunaan alum di loji-loji di bawah pengawasan anda.

Senaraikan dan beri penjelasan mengenai perkara-perkara berikut agar penggunaan alum dapat dikurangkan:

- i. Apakah pertanyaan-pertanyaan yang patut anda lakukan.
  - ii. Apakah yang patut anda selidiki dan tindakan yang patut diambil.
- (8 markah)

3. (a) Bincangkan mengenai kesan suhu terhadap proses pembukuan, tangki enapan aliran mendatar dan penjernih aliran ke atas (penjernih lapisan/selimut enapcemar).

(8 markah)

- (b) Kehilangan turus melalui tangki pembukuan (flokulasi) sesekat aliran ke atas dan ke bawah ialah  $0.205\text{m}$  apabila kadar alir melalui loji sebanyak  $10 \text{ JLH}$  (juta liter sehari) pada suhu  $20^{\circ}\text{C}$ . Pada kadar alir ini, masa tahanan di dalam kebok pembukuan ialah  $23 \text{ minit}$ .

- Hitung kecerunan halaju dan nombor Camp pada keadaan di atas.
- Hitung kecerunan halaju dan nombor Camp apabila kadar alir diubah kepada  $15 \text{ JLH}$  pada suhu  $25^{\circ}\text{C}$ .

Diberikan:

Pada suhu  $20^{\circ}\text{C}$ , kelikatan mutlak =  $1.005 \times 10^{-3} \text{ kg/ms}$  dan ketumpatan =  $998 \text{ kg/m}^3$ .

Pada suhu  $25^{\circ}\text{C}$ , kelikatan mutlak =  $0.894 \times 10^{-3} \text{ kg/ms}$  dan ketumpatan =  $997 \text{ kg/m}^3$ .

(12 markah)

4. (a) Turas pasir perlakan merupakan turas terawal digunakan dalam proses olahan air. Huraikan mengenai **LIMA (5)** kebaikan dan **LIMA (5)** keburukan turas pasir perlakan.


(8 markah)

- (b) Berdasarkan Rajah 1 dan butir-butir yang diberikan dalam Jadual 2, tentukan aliran di dalam semua paip dalam rangkaian yang ditunjukkan. Aliran masuk pada titik A ialah  $100 \text{ l/s}$  (liter per saat), aliran keluar di D ialah  $60 \text{ l/s}$  dan aliran keluar di F ialah  $40 \text{ l/s}$ . Ambil nilai pekali Hazen-William bersamaan dengan  $100$  dalam persamaan Hazen-William. Untuk memulakan pengiraan andaikan aliran awal dari A ke B ialah  $50 \text{ lps}$  dan dari B ke E ialah  $20 \text{ l/s}$ . Buat pengiraan untuk dua pelarasah sahaja

$$\text{Diberikan: } h_f = rQ^m; r = \frac{12.25 \times 10^9 L}{C_H^{1.85} d^{4.87}}; \Delta Q = \frac{-\sum h_f}{m \sum \frac{h_f}{Q}}$$

**Jadual 2**

Paip	Panjang (m)	Garispusat (mm)	r
AB	600	250	$3.1 \times 10^{-3}$
BC	600	250	$3.1 \times 10^{-3}$
CD	700	150	$43.2 \times 10^{-3}$
BE	700	200	$10.6 \times 10^{-3}$
DE	600	200	$9.1 \times 10^{-3}$
EF	600	200	$9.1 \times 10^{-3}$
FA	800	200	$12.2 \times 10^{-3}$



**Rajah 1**

(12 markah)

5. (a) Jelaskan mengenai **EMPAT (4)** jenis proses perlenturan yang biasa digunakan dan untuk setiap jenis proses huraikan dari segi kesesuaianya.

(6 markah)

- (b) Sebuah loji dengan muatan 20 JLH (juta liter sehari) dan didapati memerlukan olahan penukaran ion disebabkan keliatan air pada tahap 300 mg/L sebagai  $\text{CaCO}_3$ . Media resin dengan kapasiti penjerapan 100 kg/m<sup>3</sup> pada kadar aliran 0.5 m<sup>3</sup>/minit/m<sup>2</sup> dicadangkan. Hitung isipadu media yang diperlukan untuk olahan air berkenaan dan kluasan permukaan media.

(6 markah)

- (c) Berdasarkan kualiti air di dalam Jadual 3, hitung nilai dalam mg/L sebagai  $\text{CaCO}_3$ . Jadual berkala untuk elemen dibekalkan untuk rujukan anda.

**Jadual 3**

Ion	mg/L sebagai ion
$\text{Ca}^{2+}$	103
$\text{Mg}^{2+}$	5.5
$\text{Na}^+$	16
$\text{HCO}_3^-$	255
$\text{SO}_4^{2-}$	49
$\text{Cl}^-$	37

(8 markah)

6. (a) Semasa krisis air selama tiga bulan, sebuah kampung terpaksa bergantung kepada air daripada sebatang sungai sebagai sumber bekalan air mereka. Analisis kualiti air telah dijalankan dan di antara keputusannya adalah seperti berikut:

<b>Parameter</b>	<b>Keputusan</b>
pH	6.85
Nitrat	7.5 mg/L
Ferum, Fe	1.5 mg/l
Kekeruhan	30 NTU
Indeks MPN	400 no/100ml
Minyak dan gris	2.5 mg/L

- i. Komen kesesuaian air tersebut sebagai bekalan air untuk penduduk tersebut.
- ii. Secara ringkas berikan cadangan untuk memperbaiki mutu air itu, jika perlu.

(10 markah)

- (b) Jika bakteria koliform tidak dikesan di dalam sampel air, apakah kesimpulan anda mengenai kejadian pencemaran kumbahan yang berlaku tempoh hari? Tetapi sekiranya koliform dikesan hadir, adakah air tersebut boleh menyebabkan orang ramai mendapat sakit setelah meminumnya. Berikan penjelasan anda.

(5 markah)

- (c) Bincangkan dua kaedah yang boleh digunakan untuk mengambil sampel air untuk tujuan menguji kualiti air.

(5 markah)

7. Sungai Kerian mengalir dari kawasan hulu (CH 0.0 km) dan melalui kawasan pertanian sebelum ia merentasi Bandar Kerian. Nilai BOD di kawasan hulu adalah sifar (0 mg/l) dan nilai DO adalah tepu (at saturation) iaitu 10.1 mg/l. Bermula dari CH 0.0 km ke CH 13.0 km, terdapat BOD (non-point-source pollution) dari kawasan pertanian berjumlah 30 kg/km/day. Pada CH 13.0 km terletak pusat rawatan air sisa Karian (K-WWTP). K-WWTP membuang air sisa ke Sg. Kerian dengan kadar alir  $0.113 \text{ m}^3/\text{s}$  yang mengandungi 20 mg/L BOD dan 6mg/L DO. Sekiranya kadar alir Sg. Kerian adalah  $1.13 \text{ m}^3/\text{s}$  (malar dari CH 0.0 km ke CH 13.0 km), dapatkan nilai DO pada CH 16.0 km.

Nota :


$$\text{Halaju } U = 0.046 \text{ m/s}$$

$$DO_{\text{sat}} = 10.1 \text{ mg/L} \text{ dan kedalaman } 1.83 \text{ m}$$

$$\text{CBOD deoxygenation rade (kd)} = 0.8 \text{ day}^{-1} \text{ for kd, } \theta = 1.047$$

$$\text{CBOD settling rate (ks)} = 0.08 \text{ day}^{-1} \text{ for reaeration, } \theta = 1.047$$

(20 markah)



oooOOOooo

**LAMPIRAN**